

PM: Hentikan salah tafsir ucapan saya

Oleh SITI HATIJA YUSOFF

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta semua pihak terutama ahli-ahli politik supaya menghentikan segera perbuatan menyalahafsirkan ucapannya bagi mengelakkan pandangannya disalahertikan.

Perdana Menteri berkata, mereka yang gemar membuat tafsiran, lebih sesuai menjadi jurubahasa di mahkamah daripada terbabit dengan dunia politik.

Beliau berkata, sikap menyalahafsirkan pandangannya itu kadangkala menyebabkan beliau takut untuk berucap di khalayak ramai.

Malah beliau percaya sehingga kini ada pihak yang masih cuba meneka siapa sebenarnya 'Brutus' walaupun beliau telah menjelaskannya.

"Kalau saya jelaskan pun, dia (ahli-ahli politik) kata yang itu dia (Dr. Mahathir) kata, tapi sebenarnya lain. Jadi macam mana nak betul. Susahlah saya," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap di majlis Malam Mesra Perdana anjuran Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan Parlimen Malaysia (BBC) dengan kerjasama Kementerian Penerangan di sini malam ini.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Dr. Mahathir ada menyentuh mengenai Brutus - Julius Caesar yang beliau maksudkan sebagai nafsu jahat yang ada dalam setiap diri manusia.

Sebelum itu, banyak pihak telah membuat pelbagai tafsiran mengenai 'Brutus' dan Dr. Mahathir kemudiannya menjelaskannya sewaktu menggulung perbahasan perhimpunan itu.

Menurut Perdana Menteri, pihak-pihak berkenaan juga sering memberikan tafsiran yang berbeza sehingga menyukarkan pihak yang memberikan pandangan.

"Umpamanya kalau saya kata saya sayang, dia (ahli-ahli politik) kata yang itu dia (Dr. Mahathir) kata, tapi sebenarnya maksud dia (Dr. Mahathir) macam ini.

"Kalau saya benci pun, dia (ahli-ahli politik) akan kata lain pula, jadi banyak dah ada interpreter di kalangan kita, kenapa dia ada dalam politik pun saya tidak faham, sepatutnya mereka berada di mahkamah untuk menjadi jurubahasa," tegas beliau.

Selain itu Dr. Mahathir berkata, terdapat ramai pihak juga yang dikatakan boleh membaca hati orang lain.

"Saya dah cuba nak baca hati orang tapi tidak boleh," katanya.

Untuk itu beliau mahu semua masyarakat jangan membuat tafsiran yang begitu mendalam sehingga menyebabkan orang yang berucap menjadi tidak sedar apa yang diucapkannya.

"Setakat yang kita boleh dengar itulah saja kita boleh faham. Dan saya fikir eloklah kalau dalam masyarakat kita ini kita pegang saja apa yang kita dengar sudahlah," katanya.

Dalam ucapannya itu Dr. Mahathir juga menyatakan penghargaan terhadap sokongan BBC yang bukan sahaja memberi sokongan kepada kerajaan tetapi turut memberi pandangan dan nasihat.

Katanya, sokongan ini amat penting kerana sebagai sebuah negara yang membangun tidak boleh berlakunya perpecahan dalam politik.

Beliau berkata, ini penting kerana ahli-ahli

pembangkang di negara ini lebih gemar membuat fitnah bukannya memberi nasihat berguna.

"Di Malaysia kita ada parti lawan yang tidak berguna langsung, mējurlah ada BBC. Ini idea yang bagus sekali, lebih-lebih lagi saya Perdana Menteri yang perlukan sokongan itu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan yang tidak mendapat sokongan akan menghadapi masalah dan menjadi tidak bermakna walaupun agungnya kerajaan itu.

Katanya, contohnya di Amerika Syarikat, Presidennya terdiri daripada seorang ahli politik yang tidak disokong oleh partinya sendiri.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, dalam politik disiplin yang kukuh amat penting kerana tanpa disiplin negara tidak boleh ditadbirkan.

"Tanpa disiplin sesuatu yang baik akan menjadi buruk tetapi dengan adanya disiplin, yang buruk pun boleh menjadi baik.

Menurut Dr. Mahathir, dalam pentadbiran disiplin penting lebih-lebih lagi ketika membuat keputusan dan menjalankan arahan kerana tanpanya negara tidak akan mencapai kemajuan.

"Sebab itu kadangkala dalam peperangan ada pasukan kecil dapat menewaskan pasukan yang besar kerana ada pasukan yang kecil ini lebih berdisiplin," tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, berikutan dari sikap Malaysia yang tegas terhadap disiplin, ada pihak yang mengatakan rakyatnya seperti robot.

"Tetapi pada pendapat saya, adalah lebih baik menjadi robot yang berjaya daripada menjadi manusia yang tidak berjaya," tegas beliau.

Dr. M.